

Newspaper

Berita Harian

Date

9 January 2016

SEMAKAN BAJET 2016

# Langkah tambahan tangani cabaran ekonomi semasa

» *Perbelanjaan, peranan GLC dioptimum untuk kesejahteraan rakyat*

Oleh Magendran Rajagopal  
magendran@bh.com.my

Putrajaya

**P**engubahsuaian Bajet 2016 yang bakal dibentangkan tidak lama lagi akan mengambil kira senario ekonomi semasa supaya lebih realistik dengan cabaran pada tahun 2016.

Datuk Seri Najib Razak berkata, ia membabitkan beberapa langkah tambahan penejaksanaan baharu mengoptimalkan perbelanjaan dan peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), tetapi meneruskan perjuangan kerajaan untuk kesejahteraan rakyat.

Bagi menangani cabaran pada 2016, Perdana Menteri berkata, tindakan lebih responsif dan tegas perlu diambil perhatian, bukan sahaja oleh Kementerian Kewangan, malah kerajaan, GLC dan rakyat keseluruhannya.

**Urus sumber dengan cekap**

"Semua pihak perlu menguruskan sumber dengan cekap dan mencapai tahap optimum supaya apa yang dibelanjakan mesti memberi kesan besar kepada kepentingan rakyat, selain bersiap sedia serta memikirkan cara terbaik untuk memastikan pertumbuhan

ekonomi mapan," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan khas warga Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan dapat meramalkan 2016 sebagai tahun lebih mencabar berikutan kelembapan ekonomi China yang juga ekonomi kedua terbesar dunia serta rakan dagangan terbesar negara, selain penurunan berterusan harga minyak mentah dan komoditi yang bergantung kepada bekalan serta permintaan global.

Harga purata minyak mentah Brent menjunam daripada AS\$98.94 (RM433.11) setong pada 2014 kepada AS\$31.58 (RM138.24) satu tong semalam (kelmarin) sedangkan unjuran pertumbuhan ekonomi pada 2016 adalah berdasarkan harga purata Brent AS\$48 (RM210.12) satu tong.

"Keadaan pasaran kewangan terutama berikutan penyalarsan kadar faedah Rizab Persekutuan AS (US Fed), membawa kesan kepada aliran modal serantau, termasuk

**"Inilah senario baharu, saya tidak mahu menggugulkan rakyat Malaysia. Saya tidak mahu beri gambaran yang tidak menggambarkan realiti sebenar"**

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

Malaysia, manakala pengukuhan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) turut memberi kesan kepada nilai ringgit," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua perkara itu adalah faktor luaran yang di luar kawalan kerajaan.

Namun, katanya negara masih berupaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.1 peratus.

"Kita masasarkan ekonomi Malaysia kekal stabil pada 2016. Pada masa ini, unjuran kita antara empat hingga lima peratus dari segi pertumbuhan KDNK. Inflasi dijangka kekal rendah berada dalam lingkungan dua hingga tiga peratus.

**Kurangkan defisit fiskal**

"Kerajaan kekal komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.1 peratus daripada KDNK pada 2016, manakala tahap hutang Kerajaan Persekutuan dijangka kekal terkawal dalam had 55 peratus daripada KDNK. Kesudahannya, kesejahteraan rakyat mesti terus diperjuangkan oleh kerajaan," katanya.

Dalam aspek itu, Najib berkata Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) secara mikro menampung hasil kerajaan daripada pengurangan hasil cukai petroleum, sekali gus menjadi penyelamat kepada ekonomi negara.

Menghurai lanjut, beliau memaklumkan GST mencatat unjuran kutipan bersih RM27.126

bilion (kutipan kasar RM37.67 bilion) sehingga Disember 2015, manakala tahun ini, kutipan bersih GST dianggarkan meningkat kepada RM39 bilion.

**Harga minyak dijangka kekal rendah**

Katanya, harga minyak dijangka kekal rendah pada 2016 dan penyusutan pendapatan kerajaan dianggarkan lebih RM30 bilion, tetapi jika pada paras AS\$32, AS\$35 atau AS\$36 satu tong, penyusutan pendapatan kerajaan akan menjadi lebih RM30 bilion.

"Mujur kita laksana GST. Jika tidak, defisit negara akan meningkat kepada 4.8 peratus dan bukan lagi 3.1 peratus pada 2016. Mana mungkin kerajaan dapat laksanakan projek pembangunan seperti jalan raya, hospital, sekolah, beri Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan sebagainya jika kita tidak mempunyai kutipan hasil yang mencukupi.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup yang melampau. Justeru, melalui kutipan GST, kerajaan dapat teruskan BR1M yang memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dengan peruntukan RM5.9 bilion.

"Inilah senario baharu, saya tidak mahu menggugulkan rakyat Malaysia. Saya tidak mahu beri gambaran yang tidak menggambarkan realiti sebenar," katanya sambil menambah bayaran bantuan BR1M akan dibuat secara berperingkat mulai 28 Januari ini.

Minyak berpotensi susut bawah AS\$30 - BISNES B2